



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai program *Orang Asli Initiative* (AOI) 2016 di Kampung Orang Asli Batu 55, Maran, Pahang, baru-baru ini.

# UPM bantu jaga alam sekitar

UTUSAN MALAYSIA  
18/1/2017 p. 21

**S**ERAMAI 11 pelajar dari Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program *Orang Asli Initiative* (OAI) 2016 di Kampung Orang Asli Batu 55, Maran, Pahang baru-baru ini.

Pengarah program, **Hasifullah Ibrahim**, berkata, program dengan kerjasama YSEALI YOUNified Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM itu, bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Orang Asli khususnya yang berumur 13 tahun ke atas terhadap pengurusan dan penjagaan alam sekitar.

“Mereka diberi pendedahan mengenai fakta isu dan tindakan penyelesaian berkenaan hidupan liar menerusi modul yang dirangka serta sesi ceramah dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan),” katanya.

Beliau berkata, pelajar khususnya yang mengambil program alam sekitar secara langsung mendapat peluang menjalankan program kemasyarakatan dalam usaha memperluaskan pengetahuan dan kesedaran mengenai isu alam sekitar masa kini.

“Perkara yang paling bermakna dalam proses pembelajaran adalah dengan berkongsi semula ilmu yang ada supaya semua pihak boleh mengetahui kepentingan pemeliharaan alam sekitar,” katanya.

Pegawai Pemantauan Program OAI, yang juga Ketua

Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, FPAS, **Dr. Mariani Ariffin**, pula berkata, program itu adalah satu inisiatif pelajar di jabatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan memulihara hidupan liar, terutamanya spesies terancam di negara ini.

“Program tersebut menjadi platform terbaik kepada pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan membina hubungan yang baik dengan masyarakat Orang Asli serta belajar dan memahami gaya hidup mereka,” katanya.

Program itu berlangsung selama tiga hari itu dan disertai 31 remaja berusia dari 13 hingga 17 tahun dengan dibantu oleh fasilitator yang menggunakan modul berkenaan Pengurusan dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

Pendekatan yang kreatif dan interaktif yang digunakan oleh fasilitator bukan sahaja menarik minat peserta program tetapi turut mendapat pujian ketua dan komuniti kampung tersebut.

Antara program yang dijalankan adalah permainan interaktif berkaitan haiwan terancam, kuiz, kerja berkumpulan, pembentangan, membina monumen kumpulan menggunakan barang kitar semula dan juga tontonan video.

Program itu turut mendapat kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli daerah Maran, Perhilitan daerah Maran, Malaysian Environmental NGO (MENGO), Yayasan Hijau dan IM4U. - UPM